



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 32 (7 OGOS – 13 OGOS 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-32 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 1,390 berbanding 1,394 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 4 kes (0.3%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-32 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 33,911 kes berbanding 17,122 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 16,789 kes (98.1%), Manakala jumlah kumulatif kematian akibat komplikasi denggi meningkat 120% berbanding tahun sebelumnya dengan sebanyak 22 kematian dilaporkan berbanding 10 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 61 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 65 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 49 (80%) lokaliti hotspot di Selangor, sembilan (9) (15%) di WPKL & Putrajaya, dua (2) (3%) di Sabah dan satu (1) (2%) di Perak. **(Lampiran B & D).**


Survelan chikungunya merekodkan sebanyak sembilan (9) kes pada minggu ke-32 dengan lima (5) kes dari Selangor dan masing-masing dua (2) kes dari Kedah serta WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga

kini adalah 563 kes (**Lampiran E**). Bagi surveilans zika, sebanyak 1,189 sampel darah dan 11 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Aktiviti luar contohnya bersukan, beriadah dan berkelah merupakan antara aktiviti pilihan yang semakin diminati oleh pelbagai peringkat masyarakat. Bersihkan tempat kegiatan atau tempat berhenti istirahat sebaik sahaja aktiviti tersebut selesai. Pastikan tiada bekas makanan atau sampah yang tertinggal kerana dapat menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Selain itu, gunakan pakaian yang menutup anggota badan serta pakai bahan repelan nyamuk bagi mencegah gigitan nyamuk Aedes. Dapatkan rawatan segera apabila terdapat gejala demam denggi seperti demam tinggi, sakit anggota badan/ sendi, sakit kepala, sakit mata atau sakit pada bahagian perut. Tindakan awal dapat mengelakkan komplikasi denggi yang membawa maut. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
16 Ogos 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-31 dan ke-32 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-32 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-32 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 32/2022**(7 Ogos hingga 13 Ogos 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 32/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 32/2021	
		Minggu 32 (7 Ogos – 13 Ogos 2022)		Minggu 31 (31 Julai – 6 Ogos 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	5	0	29	0	16	0
2	Kedah	25	0	27	0	701	2	360	0
3	P. Pinang	24	0	17	0	429	0	282	0
4	Perak	33	0	27	0	679	0	405	1
5	Selangor	716	0	800	0	21,376	5	10,018	2
6	WP KL & Putrajaya	147	0	140	0	3,265	5	2,023	1
7	N. Sembilan	43	0	38	0	1,002	2	389	1
8	Melaka	23	0	17	0	359	0	447	0
9	Johor	93	0	75	0	1,675	1	1,356	1
10	Pahang	20	0	24	0	467	1	310	1
11	Terengganu	4	0	5	0	135	0	31	0
12	Kelantan	43	0	19	0	479	2	136	0
13	Sarawak	8	0	18	0	384	1	263	0
14	Sabah	210	0	182	0	2,914	3	1,082	3
15	WP Labuan	0	0	0	0	17	0	4	0
	MALAYSIA	1,390	0	1,394	0	33,911	22	17,122	10




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 32/2022
(7 Ogos hingga 13 Ogos 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E11. Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4 , 5 , 6)	75	158
2	SELANGOR	Petaling	E11. Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 (Blok 1 , 2 , 3)	29	119
3	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 3/4	26	90
4	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	17	88
5	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	39	87
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kajang Mewah 10-20 Taman Kajang Mewah	14	85
7	SELANGOR	Petaling	E14. Tmn Sri Puchong	16	84
8	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 8 Parcel 4c	22	81
9	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 20 (Flat A : Blok 1 - 4)	32	71
10	SELANGOR	Petaling	E6. BI Pju 9 Sd 13 Apt Sri Meranti (1) [A,B,C,D,E,F,G]	18	69
11	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Saujana Puchong Sp 7	10	68
12	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 16 (Kuarters Suk)	40	66
13	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Taman Ampang Mewah	18	66
14	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 15 - Parcel 15-12b (C1,C2,C3,B2)	20	65
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/38-3/56 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	24	63
16	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Rambai Indah	15	59
17	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	13	55
18	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)	18	55
19	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	13	54
20	SELANGOR	Petaling	E12. Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari (Blok 11)	23	53
21	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 11-27 Taman Bukit Mewah	11	52
22	SELANGOR	Klang	Taman Perindustrian Jalan Haji Abdul Manan 1	10	51

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Perdana Villa	24	49
24	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Asa Jaya	10	47
25	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 6 (Qts Guru)	16	47
26	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 3/2	11	47
27	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 2	18	47
28	WPKL	Titiwangsa	Desa Tunku Mariam	39	46
29	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah) Blok 1 Hingga 35	14	46
30	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 12	7	45
31	SABAH	Lahad Datu	Kg. Muhibbah Pkt 1	8	44
32	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 29	10	43
33	SELANGOR	Klang	Apartment Prima Bayu	7	40
34	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	6	40
35	WPKL	Titiwangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	22	39
36	SELANGOR	Petaling	E9. Kt Ss 3(Teres 5)[Jln Ss 3/29,33,35,37,64,64a,66,68,70,72,74,76,78]	11	39
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 23-32 Taman Jasmin	9	39
38	SELANGOR	Petaling	E11. Sri Pjs 5 Flat Desa Ria (G,J,K,L,M,N,O,P)	5	39
39	SELANGOR	Klang	Seksyen 25 (Pangsapuri Damai)	6	38
40	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kajang Impian 2 Taman Kajang Impian	6	38
41	SABAH	Tawau	Jk02 Tmn. Semarak Loji	8	38
42	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/3)	6	37
43	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Asa Jaya	10	37
44	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	12	37
45	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 08	9	37
46	WPKL	Kepong	Pangsapuri Melur (Jalan 2/48a Bandar Baru Sentul)	6	36

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	SELANGOR	Petaling	E7. Kd Pju 5 Sek 11	8	36
48	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 30	6	35
49	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Mawar 1-3 Dan Jalan Pandan Indah 2/2-2/7 Pandan Indah	6	33
50	SELANGOR	Sepang	Apt Megah Villa	23	33
51	WPKL	Lembah Pantai	Endah Ria Condo Fasa 2(C&D)	4	32
52	SELANGOR	Petaling	E4. Seksyen U2 (Teres D : Jln U2/29 - 35)	4	32
53	SELANGOR	Hulu Langat	Blok H-M Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	6	32
54	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 6/3	5	32
55	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	11	32
56	WPKL	Lembah Pantai	Desa Villa Condo Fasa 2 (Blok 24, 26)	7	31
57	WPKL	Lembah Pantai	Ppr Pinggiran 1 (Blok A,B,C,D,E,F)	9	31
58	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Delima Taman Pinggiran Delima	4	31
59	SELANGOR	Petaling	E9. Kt Ss 9 (Teres 2) [Jln Ss 9/1 - 9/8]	4	31
60	PERAK	Perak Tengah	Tmn Maju	5	31
61	WPKL	Cheras	Ppr Taman Mulia	6	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 32/2022
(DARI 7 OGOS HINGGA 13 OGOS 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 32/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 32/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 32/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 32/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	1	3
2	Kedah	2	0	15	122	140
3	P. Pinang	0	1	10	46	77
4	Perak	0	0	10	176	180
5	Selangor	5	1	176	132	339
6	WP KL & Putrajaya	2	7	239	274	490
7	N. Sembilan	0	0	73	4	22
8	Melaka	0	1	6	26	29
9	Johor	0	0	4	94	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	2	27	22	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	9	12	563	897	1,432